



MAJLIS PERBANDARAN KLANG
(Jabatan Kesihatan)

SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN OPERASI MENEMBAK GAGAK TAHUN 2016

1. Tarikh operasi menembak gagak ditetapkan pada **25 September 2016** bersamaan hari **Ahad** bermula **6.00 pagi hingga 7.00 malam**.
2. Waktu pendaftaran ialah di antara jam **6.00 pagi** hingga **10.00 pagi** dan setiap peserta diwajibkan mendaftar sebelum memulakan operasi tersebut.
3. Setiap peserta menembak perlu mengisi Borang Akuan Penyertaan seperti di '**Lampiran C**' dan Borang Penyertaan seperti di '**Lampiran D**'. Salinan lesen senjata api dan kad pengenalan **WAJIB** disertakan bersama.
4. Yuran pendaftaran sebanyak RM 5.00 adalah **WAJIB** bagi setiap seorang peserta dan dibayar semasa penghantaran borang penyertaan.
5. **Tempat pendaftaran** serta **tempat pengiraan** ialah di **TEMPAT LETAK KERETA DEWAN HAMZAH MAJLIS PERBANDARAN KLANG (BERHADAPAN SURAU)**.
6. Setiap pasukan hanya boleh diwakili seramai 4 peserta (maksima) penembak yang berlesen sahaja.
7. Setiap peserta dikehendaki menunjukkan lesen senjata api yang diperakui oleh kerajaan semasa pendaftaran untuk disemak dan disahkan oleh pihak polis. (**SYARAT WAJIB : MESTI MEMPUNYAI LESEN MEMBURU**).
8. Bayaran setiap ekor gagak yang ditembak pada hari operasi adalah **RM 3.00** (Ringgit Malaysia : Tiga Sahaja).
9. Semua peserta tidak dibenarkan menembak gagak di kawasan larangan seperti di 'Lampiran B'.
10. Peserta penembak perlu mendapat keizinan dari tuan rumah untuk memasuki kawasan rumah orang awam sekiranya hendak mengambil gagak yang ditembak.
11. Waktu pengiraan pertama ialah pada jam **12.00 tengahari** hingga jam **2.00 petang** dan pengiraan akhir (muktamad) ialah di antara jam **6.00 petang** hingga **8.00 malam**.
12. Borang penyertaan boleh didapati di Jabatan Kesihatan, Tingkat 2, atau boleh melayari laman web www.mpklang.gov.my Majlis Perbandaran Klang dan sebarang pertanyaan berkaitan bolehlah menghubungi **Pn. Afika / En. Halim / Cik Nalini / En. Luqman** di talian **03-3375 5555** sambungan **7310/7302/7309**.
13. **Tarikh tutup penyertaan pada 20 Ogos 2016. Semua borang penyertaan perlu dimajukan sebelum 20 Ogos 2016.**
14. Borang penyertaan boleh dimajukan menerusi talian fax 03-3373 5634, atau diemalkan kepada kesihatan@mpklang.govmy atau boleh hantar terus ke Jabatan Kesihatan sebelum tarikh tutup.
14. Kerosakan yang dilakukan oleh peserta tanpa mematuhi peraturan pihak penganjur adalah di bawah tanggungjawab sendiri.



**MAJLIS PERBANDARAN KLANG
(Jabatan Kesihatan)**

KAWASAN LARANGAN UNTUK MENEMBAK

1. Sekitar kawasan Hospital Kerajaan dan Swasta.
2. Semua tempat beribadat.
3. Di kawasan sekolah.
4. Di kawasan Pejabat Kerajaan.
5. Sekitar kawasan Stesyen Minyak.
6. Sekitar kawasan Stesen Bas.
7. Sekitar kawasan Pasar.
8. Kawasan-kawasan Instalasi Petroleum.
9. Kawasan stesen pemancar.
10. Kawasan 'Transmission Lines'.
11. Dalam kawasan Pelabuhan.

KAWASAN LARANGAN TAMBAHAN UNTUK PENEMBAK GAGAK

TENAGA ELEKTRIK

1. Stesen Janaelektrik Jambatan Connaught, Klang.
2. Stesen Janaelektrik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Jalan Tok Muda, Kapar.
3. Pencawang masuk utama 132/11 KV Bukit Raja, Batu 3, Jalan Klang.
4. Pencawang masuk utama 132/33 KV Pelabuhan Utara, Jalan Pelabuhan Utara.
5. Tidak dibenarkan menembak di Talian Elektrik TNB.
6. Tidak dibenarkan masuk ke dalam kawasan berpagar dan berpengawal keselamatan TNB.

TELEKOMUNIKASI

1. Ibusawat Telekom Pelabuhan Klang.
2. Ibusawat Telekom Kelang, Jalan Dato, Hamzah, Klang.
3. Station Radio VHF Bukit Kubur, Klang.

MINYAK

1. Caltex Oil Limited, Jeti Petrokimia, Pelabuhan Barat.
2. B.P. Bulk Installation New Bulk Wharf, Pelabuhan Utara.
3. B.P. Port Klang Installation, Jalan Pelabuhan, Pelabuhan Klang.

AIR

1. Empangan Tasik Subang, Meru, Klang.

PENGANGKUTAN

1. Pelabuhan Utara, Pelabuhan Klang.
2. Pelabuhan Selatan, Pelabuhan Klang.
3. Westport Malaysia, Pelabuhan Klang, Pulau Indah.

Penembak tidak dibenarkan masuk walaupun mempunyai pas masuk yang sah



**MAJLIS PERBANDARAN KLANG
(Jabatan Kesihatan)**

BORANG AKUAN PENYERTAAN

Saya :
No. K/P :
No. Telefon :

MENGAKUI DAN BERSETUJU BAHAWA :

1. Saya mengambil bahagian dalam Operasi Menembak Gagak pada 25 September Tahun 2016 anjuran Majlis Perbandaran Klang dengan rela hati saya.
2. Saya akan bertanggungjawab di atas sebarang kecelakaan atau kecederaan terhadap diri saya dan orang awam serta harta benda mereka.
3. Saya tidak akan menuntut sebarang bayaran pampasan terhadap pihak Majlis Perbandaran Klang di atas kerosakan senjata dan kenderaan saya atau harta benda awam semasa Operasi Menembak dijalankan.
4. Saya memahami bahawa sebarang wang tuntutan bilangan gagak yang ditambah tidak akan saya wakulkan pada pihak lain.

.....
(Tandatangan Peserta)

.....
(Tandatangan Saksi)

Tarikh :

Nama Saksi :

No. K/P Saksi :

No. Telefon :



**MAJLIS PERBANDARAN KLANG
(Jabatan Kesihatan)**

BORANG PENYERTAAN

Kepada :

Pengarah Kesihatan
Majlis Perbandaran Klang,
41000 Klang,
Selangor Darul Ehsan.

Tel : 03-3375 5555 ext. 7309 / 7310
Fax : 03-3373 5634

Tuan,

Saya ingin mengambil bahagian di dalam Operasi Menembak Gagak pada 25 September Tahun 2016 bersamaan hari Ahad. Bersama-sama ini disertakan maklumat tentang diri saya dan juga anggota pasukan saya. Saya juga bersetuju untuk mematuhi segala syarat-syarat yang ditetapkan.

BIL	NAMA & ALAMAT	NO. K/P	NO. TELEFON*	NO. LESEN*

*** No. telefon & salinan lesen senjata api wajib disertakan.**

Nama Ketua Kumpulan :

Yang benar,

.....

Nama :

Tarikh :